



UCAPAN SELAMAT BERJUANG KEPADA ATLIT: DPM Teo (*kiri*) mengucapkan selamat kepada para atlit dari estet Pasir Ris-Punggol yang akan beraksi di Sukan SEA nanti semasa di karnival sukan bagi murid-murid tadika anjuran kawasan undi itu semalam. – Foto TUKIMAN WARJI

Sukan SEA: Seluruh negara beri sokongan

BUKAN sahaja mendapat sokongan anggota keluarga serta sahabat handai.

Sebaliknya, melihat seluruh negara memberi dorongan tentunya menjadi motivasi besar kepada para atlit negara sepertinya yang akan tampil di Sukan SEA Ke-28 Singapura ini.

“Acara seperti ini menunjukkan warga setempat lain turut memberikan kami sokongan.

“Ini sungguh bermakna sekali kepada saya dan tentu sekali akan membakar semangat saya serta rakan-rakan atlit lain untuk cuba memenangi pingat untuk negara,” ujar juara dunia silat, Sheik Farhan Sheik Alau’din, semasa ditemui di majlis jamuan atlit serta keluarga mereka yang dihoskan Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean, di Pusat Sukan Pasir Ris, semalam.

Acara itu – meraikan para atlit yang tinggal di sekitar GRC Pasir Ris-Pung-

gol – turut dianjurkan sempena Karnival Sukan Yayasan Masyarakat PAP (PCF) di kawasan undi itu.

Kedua-dua acara itu, kata DPM Teo, sengaja diadakan secara bersama dengan harapan dapat melihat para atlit Sukan SEA ini menjadi inspirasi kepada golongan muda agar mereka cuba mencontohi jejak para atlit tersebut dan cemerlang dalam sukan.

“Bagi para atlit pula, inilah tanda sokongan kami kepada mereka dengan sekitar 30 atlit yang akan bersaing di Sukan SEA ini adalah penduduk di kejiranan Pasir Ris-Punggol ini.

“Di akhir karnival sukan ini, kami beramai-ramai telah menyanyikan (lagu kebangsaan) *Majulah Singapura*, jadi saya berharap kita akan mendengar banyak lagi *Majulah Singapura* diudarkan sempena Sukan SEA ini nanti,” ujar DPM Teo, yang juga Penasihat Akar Umbi kepada GRC Pasir Ris-Punggol. ► **ANWAR YAHYA**